



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

6 DISEMBER 2023 (RABU)

Kerajaan peuntuk RM324,00 tangani isu anjing liar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	28	6 Dis

Kerajaan peruntuk RM324,000 tangani isu anjing liar

SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan RM324,000 bagi menangani masalah anjing liar termasuk menangkap 2,177 ekor anjing liar sepanjang tahun ini.

**SIDANG DUN
NEGERI SEMBILAN**

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan negeri, J Arul Kumar (**PH-Nilai**) bagaimanapun berkata, tiada tangkapan dibuat pada bulan Mac hingga Mei kerana pihak Majlis Bandaraya Seremban(MBS) dalam proses melantik kontraktor.

"Sepanjang tahun ini, 93 aduan anjing liar yang diterima di bawah Sistem Pengurusan Aduan Awam dengan tangkapan sebanyak 131 ekor.

"Khusus bagi kawasan Senawang, sebanyak (26 ekor) anjing telah ditangkap, Taman Sena Parc (32), Senawang Perdana (11), Pinggiran Senawang (44) dari Taman Satria (18)," katanya pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Pertama, DUN Negeri Sembilan Yang Ke-15 di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Kamarul Ridzuan (**PN-Paroi**) berkenaan jumlah peruntukan menangkap dan menangani anjing liar.

Jelas Arul Kumar, MBS juga telah mengambil beberapa inisiatif untuk menyelesaikan isu anjing liar berkenaan dengan melancarkan Program Insentif Pemandulan Anjing yang bermula September lalu hingga tahun ini.

Ujarnya, setiap pemilik anjing yang berlesen di MBS akan menerima insentif RM100 bagi setiap ekor dengan maksimum dua ekor setiap rumah untuk dimandulkan.

"Majlis mesyuarat kerajaan negeri juga telah memutuskan cara untuk mengawal bilangan anjing liar ini melalui pemandulan yang mana setiap anjing liar ditangkap oleh NGO juga perlu dimandulkan," ujarnya.



Pindah lembu, kerbau elak dihanyutkan arus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	14	6 Dis

Pindah lembu, kerbau elak dihanyutkan arus

HULU TERENGGANU – Golongan penternak di daerah ini mula mengambil langkah memindahkan haiwan peliharaan mereka sebagai persediaan susulan banjir gelombang pertama yang berlaku di negeri ini dua minggu lalu.

Seorang penternak, Mohd. Rizal Ismail, 48, berkata, walaupun Hulu Terengganu satu-satunya daerah yang tidak dinaiki air baru-baru ini, namun paras air sungai-sungai utama sedang mengalami kenaikan mendadak ekoran hujan lebat sejak kebelakangan ini.

"Paras Sungai Telemong yang berhampiran kandang lembu peliharaan yang sebelum ini cuma semeter kini naik

kira-kira tiga kali ganda sejak akhir-akhir ini.

"Saya juga tidak boleh membawa lembu dan kerbau ternakan ke padang ragut yang terletak di seberang sungai," katanya ketika ditemui di Kampung Kepah di sini semalam.

Mohd. Rizal berkata, kenaikan mendadak paras air itu amat merisaukan kerana kandang kerbau dan lembu peliharaannya hanya beberapa meter dari sungai.

"Beberapa ekor lembu dan kerbau peliharaannya pernah mati akibat dihanyutkan arus banjir pada tahun 2021 sehingga saya mengalami kerugian besar," katanya.



MOHD. RIZAL memindahkan lembu dan kerbau miliknya di Kampung Kepah, Hulu Terengganu semalam.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR